



PELAN STRATEGIK

PERBADANAN PUTRAJAYA

2011-2015

TERURUS • BERSEMANGAT DAN BERTENAGA • MAKMUR



Kandungan

• Perutusan Presiden	2
• Kata-kata Aluan	
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Strategik	4
• Ringkasan Eksekutif	6
1 Latar Belakang	
• Pengenalan	10
• Visi 2015	10
• Misi	11
• Nilai-nilai Bersama	11
• Carta Organisasi	12
• Fungsi dan Peranan	13
• Hubungkait PPj dengan <i>Stakeholders</i> , Rakan Kongsi dan Pelanggan	14
2 Pencapaian Tahun 2008-2010	
• Pencapaian Pelan Strategik PPj 2008-2010	18
• Anugerah dan Pengiktirafan	19
3 Pengurusan Strategik	
• Isu dan Cabaran	22
• Kitaran Pengurusan Strategik	24
• Faktor-faktor Penting Dalam Penyediaan Pelan Strategik PPj	24
• Hubungkait Pelan Strategik dengan Pelan Lain yang Berkaitan	25
• <i>Balanced Scorecard</i>	26
• Peta Strategi PPj	28
• Objektif Strategik dan Indikator	30
4 Faktor Penentu Kejayaan	
• Kecukupan dan Kecekapan Sumber	36
• Penggunaan ICT Secara Menyeluruh	37
• Rangkaian Kerjasama Strategik	37
• Kajian Semula Pelan Strategik	37
5 Penutup dan Lampiran	
• Penutup	40
• Lampiran	41
- Fakta Asas Putrajaya	41
- Pelan Induk	42
- Peristiwa Penting Putrajaya	43
- Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perbadanan Putrajaya 2008-2010	44



Perutusan **PRESIDEN**

BismillahirRahmannirRahim. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah s.a.w.

Alhamdulillah, Perbadanan Putrajaya telah dapat menyiapkan Pelan Strategiknya bagi tahun 2011 hingga tahun 2015.

Sejak tahun 2008 Perbadanan Putrajaya telah mempunyai pelan strategik di mana sehingga kini visinya masih lagi dikekalkan iaitu untuk menjadikan Putrajaya Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur menjelang tahun 2015.

Saya amat bersyukur, Perbadanan Putrajaya telah berjaya mencatatkan beberapa pencapaian penting di antara tahun 2008 hingga 2011 termasuk Penganugerahan Bandar Mampan, Penganugerahan Pengurusan Kewangan, Pengiktirafan Standard Kualiti Antarabangsa ISO 9001:2008 dan penarafan status Cybercity.

Namun begitu, cabaran utama bagi Perbadanan Putrajaya ialah untuk menjadikan Putrajaya sebagai "bandar contoh dalam semua aspek". Dalam hal ini, penanda aras bagi Putrajaya adalah bandar-bandar utama dunia seperti Vienna di Austria, Zurich dan Geneva di Switzerland, Sydney, Melbourne dan Canberra di Australia, Charlotte di Amerika Syarikat dan Milton Keynes di United Kingdom.

Justeru, bagi merealisasikan visi dan menjadikan Putrajaya bertaraf kelas pertama, Perbadanan Putrajaya perlu terlebih dahulu menjadi organisasi kelas pertama. Tumpuan perlu dititikberatkan terhadap perkhidmatan kelas pertama kepada pelanggan serta mengamalkan nilai-nilai murni dan etika yang baik semasa menjalankan tugas. Aspek-aspek berkenaan adalah penting bagi menyumbang kepada kejayaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) sebagaimana yang diharapkan.

Selaras dengan hasrat kerajaan bagi merealisasikan *Greater KL/Klang Valley*, Putrajaya diharapkan menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang ceria dan bertenaga serta menjadi perintis kepada "bandar teknologi hijau". Pelbagai usaha dilaksanakan secara berterusan ke arah itu, antaranya meningkatkan aktiviti komersil, menganjurkan acara bertaraf antarabangsa, memperbaiki pengurusan aset dan fasiliti, penguatkuasaan yang berkesan serta meningkatkan amalan hijau.

Kejayaan terhadap pelaksanaan Pelan Strategik ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa usaha dan iltizam serta penglibatan daripada semua pihak termasuk warga Perbadanan Putrajaya sendiri, warga Putrajaya, jabatan dan agensi kerajaan/swasta, pihak pemaju dan kontraktor serta para pelawat dan pelancong. Justeru, marilah kita bersama-sama berusaha ke arah menjadikan Putrajaya ikon utama negara dan kebanggaan kita semua.



Tan Sri Samsudin Osman
Presiden
Perbadanan Putrajaya



Kata-kata Aluan **PENGERUSI JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK**

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Strategik, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menghasilkan Pelan Strategik PPj bagi tahun 2011 hingga tahun 2015. Pelan ini adalah merupakan pelan yang kedua setelah pelaksanaan Pelan Strategik yang pertama iaitu dari tahun 2008 hingga 2010.

Beberapa pencapaian penting telah berjaya dicapai dalam pelan strategik 2008-2010 berkenaan, yang mana sebahagiannya telah dijadikan asas dalam merangka dan menetapkan sasaran bagi pelan strategik yang baru ini. Meskipun Perbadanan Putrajaya masih mengekalkan visinya ke arah menjadikan Putrajaya terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur, namun beberapa elemen baru turut diambil kira bagi memastikan pelan strategik yang baru ini terus relevan sehingga tahun 2015. Elemen yang dimaksudkan ialah menjadikan Putrajaya bandaraya mampan (*sustainable city*) dan bandaraya hijau (*green city*).

Mengimbas kembali beberapa pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) yang digariskan dalam Pelan Strategik 2008-2010, antaranya ialah peratus aduan yang diselesaikan, perkhidmatan kebersihan mengikut jadual, perkhidmatan penyelenggaraan yang mengikut jadual, bajet varian, peratus pematuhan *Service Level Agreement (SLA)* dalam pengurusan aset dan fasiliti serta bilangan aktiviti dan acara bertaraf kebangsaan dan antarabangsa di Putrajaya. Kesemua KPI berkenaan telah melebihi sasaran yang ditetapkan dalam pelan strategik tersebut.

Selaras dengan pelaksanaan NKRA di peringkat Nasional dan MKPI di peringkat Kementerian, KPI bagi Perbadanan Putrajaya diharap dapat menyumbang ke arah pencapaian KPI Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.


Pada masa ini Perbadanan Putrajaya sedang mengkaji semula Pelan Komprehensif Sumber Manusia, melaksanakan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) dan melaksanakan pengurusan risiko. Usaha-usaha ini diharap

dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, disamping memastikan pelbagai risiko termasuk risiko keselamatan ICT mempunyai pelan pencegahan.

Sebagai langkah untuk menjadikan Putrajaya sebagai bandar contoh, Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menubuhkan beberapa *focus group* bandar contoh, antaranya *focus group* bandar hijau, bandar selamat, bandar vibrant, perkhidmatan cekap dan mesra rakyat serta amalan nilai-nilai murni. *Focus group* ini bertujuan untuk memastikan usaha-usaha ke arah menjadikan Putrajaya bandar contoh dilaksanakan seperti yang diharapkan serta mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Sehubungan itu, sebagai warga Perbadanan Putrajaya serta selaku penjawat awam, bersama-sama lah kita meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan dan *stakeholders*, sebagaimana yang sering kita lafazkan menerusi ikrar perkhidmatan awam.

Terima kasih.



Datuk Muhamad Haitamin bin Ishak
Pengarah Perkhidmatan Korporat
Perbadanan Putrajaya

Ringkasan Eksekutif

Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2011-2015 ini adalah merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik PPj 2008-2010 yang telah disediakan sebelum ini. Perkara utama yang digariskan dalam pelan strategik yang baru ini adalah mengkaji semula matlamat dan menentukan hala tuju PPj menjelang tahun 2015 iaitu untuk menjadikan Putrajaya Bandar Hijau (*green city*) dan Bandar Mampan (*sustainable city*), di samping mengekalkan matlamat asalnya iaitu menjadikan Putrajaya sebagai sebuah Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur.



Selaras dengan itu, pelan strategik ini diharap menjadi dokumen rujukan penting dalam memastikan PPj berada di landasan yang betul ke arah mencapai Visi 2015 dengan sokongan yang padu dari *stakeholders*, rakan kongsi, pelanggan dan warga PPj. Pelan ini turut menggariskan Objektif Strategik, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sasaran bagi tahun 2015. Sebanyak 22 Objektif Strategik dengan disokong oleh 86 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah ditetapkan selaras dengan hasrat bagi mencapai visi berkenaan.

Beberapa definisi turut diuraikan, antaranya ialah Pihak Berkepentingan (*stakeholders*), Rakan Kongsi dan Pelanggan (*customers*), kerana pemahaman yang berbeza boleh menjelaskan sistem penyampaian perkhidmatan bagi PPj.

Pelbagai kejayaan dan pencapaian PPj turut disenaraikan iaitu bagi tiga tahun tempoh pelaksanaan Pelan Strategik 2008-2010. Kejayaan tersebut meliputi pelbagai bidang seperti pengurusan kualiti, kewangan dan perakaunan, pengurusan ICT serta perancangan/pengurusan perbandaran. Di samping itu, prestasi pencapaian KPI bagi tiga tahun tersebut juga amatlah memberangsangkan.

Pelan Strategik 2011-2015 ini turut menggariskan beberapa faktor penentu kejayaan (*key success factors*) yang perlu diambil perhatian bagi memastikan elemen-elemen utama yang dapat memacu PPj mencapai matlamatnya perlu diberi keutamaan.





Latar Belakang

Pengenalan

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 dibawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) bertujuan untuk mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya. Putrajaya telah diisyiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2001. Sebelum ini, Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dikenali sebagai Kawasan Perbadanan Putrajaya adalah merupakan sebuah daerah dalam Negeri Selangor.

Visi 2015

Putrajaya akan menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur, yang memenuhi keperluan sosio-ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat.



Misi

Tugas kami ialah merancang, mengurus dan membangunkan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan secara cekap dan berkesan.

Kami berusaha memainkan peranan utama dalam merealisasikan visi Putrajaya untuk menjadi sebuah bandar raya yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur dengan:

- Membentuk dasar dan rangka kerja pembangunan yang sesuai;
- Menjalin hubungan dan pertalian yang membina dengan semua pemegang kepentingan dan rakan kongsi;
- Membina organisasi yang berprestasi tinggi, cekap dan mesra pelanggan;
- Menyediakan kemudahan awam yang bertaraf dunia;
- Memupuk persekitaran yang kondusif bagi aktiviti komersil yang semakin berkembang maju; dan
- Mengamalkan tahap tadbir urus dan integriti yang sangat baik

Nilai-Nilai Bersama

- Kami mengutamakan pelanggan dan komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti.
- Kami sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilaksanakan.
- Kami bekerja dalam satu pasukan bagi menjana kebolehan dan keupayaan bersama.
- Kami mendukung dan mengamalkan integriti pada setiap masa.
- Kami prihatin kepada komuniti dan alam sekitar.



Carta Organisasi



Fungsi dan Peranan

Fungsi-fungsi Perbadanan Putrajaya sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 4 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536), ialah:

- a** Melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- b** Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- c** Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersial, pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya; dan
- d** Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (b) dan (c) di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Hubungkait PPj dengan *Stakeholders*, Rakan Kongsi dan Pelanggan

PPj berurusan dengan pelbagai pihak dalam melaksanakan fungsinya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya. *Stakeholders* adalah terdiri dari Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Manakala, pelanggan PPj pula terdiri dari penduduk Putrajaya, pemilik kediaman dan premis perniagaan, penyewa premis perniagaan, pelancong dalam/luar negara dan pelawat serta warga kerja di Putrajaya samada yang bekerja di sektor awam mahupun di sektor swasta.



Rakan kongsi PPj terdiri dari Kementerian Pelancongan, Kementerian Belia dan Sukan, Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH), Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri (BPA), Tourism Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Hospital Putrajaya dan Klinik Kesihatan Putrajaya, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Putrajaya Holdings Sdn. Bhd (PHSB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan serta pihak media.

Hubungan yang akrab serta kerjasama strategik antara PPj dengan ketiga-tiga pihak ini akan membolehkan PPj memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kepentingan semua pihak yang berkaitan.

Stakeholder	KWPKB KPKT Kementerian Kewangan JPM
Pelanggan	Penduduk Pemilik Kediaman dan Premis Perniagaan Warga Kerja Putrajaya Penyewa Premis Perniagaan Pelancong dan Pelawat
Rakan Kongsi	Kementerian Pelancongan Malaysia Kementerian Belia dan Sukan Tourism Malaysia BPH, JPM BPA, JPM Putrajaya Holdings Sdn Bhd RELA PDRM dan BOMBA Hospital dan Klinik Kesihatan Putrajaya DBKL dan Perbadanan Labuan Media



The background of the image is a photograph of a modern cable-stayed bridge at night. The bridge's towers and the numerous cables are brightly lit from below, creating a strong geometric pattern against the dark, hazy sky.

Pencapaian Tahun 2008-2010

2

Pencapaian Pelan Strategik PPj 2008-2010

Pencapaian Pelan Strategik PPj bagi tahun 2008 hingga tahun 2010 adalah pada tahap yang sangat baik sebagaimana ringkasan prestasi seperti berikut:

TAHUN	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)				
	MELEBIHI 100% (BIRU)	85%-100% (HIJAU)	60%-84.9% (KUNING)	40%-59.9% (JINGGA)	39.9% KE BAWAH (MERAH)
2008	12	2	3	-	-
2009	18	6	4	1	1
2010	13	13	3	1	-

Secara keseluruhannya, pelan strategik adalah untuk mengukur pencapaian bagi matlamat-matlamat yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2008-2010 seperti berikut:

1. PPj menjadi satu organisasi yang efisyen dan efektif dalam aspek tadbir urus serta responsif terhadap keperluan pelanggan;
2. Putrajaya aktif dan ceria dengan aktiviti-aktiviti komersil, pelancongan, kemasyarakatan, sukan, rekreasi, kebudayaan dan kerohanian; dan
3. Mewujudkan persekitaran yang kondusif supaya masyarakat Putrajaya dapat hidup selesa, sihat dan selamat.

Strategi-strategi yang dinyatakan dalam pelan strategik berkenaan telah dilaksanakan oleh PPj dan seterusnya telah membawa hasilnya melalui pencapaian Objektif Strategik/KPI yang ditetapkan bagi menyokong matlamat-matlamat tersebut.

1. Meningkatkan kepuasan pelanggan;
2. Komuniti yang partisipatif dan harmoni;
3. Perkhidmatan perbandaran yang efisyen;
4. Memperkuuhkan pengurusan aset dan fasiliti; dan
5. Meningkatkan produk pelancongan dan pelancong.

Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perbadanan Putrajaya 2008-2010 secara terperinci adalah seperti di Lampiran.


Anugerah dan Pengiktirafan

Bagi tempoh tahun 2008 hingga tahun 2010, PPj telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari dalam dan luar negara seperti di jadual dibawah.



TAHUN	ANUGERAH YANG DITERIMA
2008	<p>Anugerah Emas bagi <i>Design Award for Design Excellence</i>, Kategori Rekabentuk. “Flower Show” peringkat antarabangsa di Victoria Park, Hong Kong pada 14 – 24 Mac 2008.</p> <p>Anugerah Emas bagi Laman <i>Theme Award</i> dan Anugerah Perak bagi Laman <i>Design Award</i>. Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia (LAMAN 2008) pada 19 – 27 Julai 2008.</p> <p>Anugerah <i>Creative Trophy</i> bagi Reka Bentuk Terbaik dari segi kreativiti dan animasi. <i>Flora Fest 2008</i>, Kementerian Pelancongan Malaysia pada 26 Julai 2008.</p> <p>Ranking Ke-6 daripada 1,133 Portals and Websites yang dinilai (4 Star Rating) bagi <i>Malaysia Government Portals and Websites Assessment</i>. <i>Multimedia Development Corporation</i> (MDeC) pada 16 Julai 2008</p> <p>Tempat Ke-3 bagi <i>Energy Efficiency and Conservation Best Practices</i>. <i>Asean Centre for Energy</i> (ACE) pada 7 Ogos 2008.</p>
2010	<p>Pengiktirafan standard antarabangsa MS ISO 9001:2008 pada 1 Mac 2010 bagi Perkhidmatan Pelesenan, Cukai Taksiran dan Pengurusan Alam Sekitar.</p> <p>Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2009 pada 27 September 2010 dengan memperolehi 4 bintang (skor sebanyak 93%).</p> <p>Pencapaian tahap Bandar Mampan dalam Program Pelaksanaan Petunjuk Bandar Malaysia (MURNInet) bagi tahun 2010 (skor sebanyak 94% - iaitu tertinggi berbanding 149 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain).</p> <p>Anugerah Cemerlang <i>Malaysia Government Portals and Website Assessment 2010</i> oleh Malaysian Development Corporation (MDeC) pada 11 November 2010 dengan mendapat penarafan 5 bintang.</p>





Pengurusan Strategik

3


Isu dan Cabaran

Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2011-2015 merupakan kesinambungan dari pelan strategik yang telah dibangunkan pada tahun 2008 dan berakhir pada tahun 2010 dimana matlamat pelan strategik ini adalah bagi mencapai Visi 2015 untuk menjadikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur.

Pelan strategik ini adalah berlandaskan kepada aspirasi Kerajaan yang merangkumi Wawasan 2020, Misi Nasional, Program Transformasi Kerajaan, serta Rancangan Malaysia Ke-10. Di samping itu, hasrat Kerajaan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Contoh dalam segala aspek, serta Putrajaya sebagai Bandar Hijau turut diambil kira dalam membangunkan pelan strategik ini. Pada masa yang sama juga, pencapaian Pelan Strategik PPj 2008-2010 juga turut dijadikan asas dalam membangunkan indikator dan objektif strategik pelan ini.

Sebanyak 22 Objektif Strategik yang disokong oleh indikator/petunjuk prestasi utama dan inisiatif strategik serta program dan aktiviti yang relevan bagi menangani isu-isu dan cabaran di dalam menjadikan Putrajaya terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur telah dikenalpasti seperti rangka kerja yang ditunjukkan dalam rajah di sebelah.





Rajah 1: Isu dan Cabaran

Kitaran Pengurusan Strategik

Pengurusan Strategik tidak berakhir sekadar menyiapkan Pelan Strategik 2011-2015 sahaja, tetapi ia diikuti oleh penyediaan pelan tindakan bagi pelaksanaan strategi. Pencapaian program/aktiviti/KPI akan dianalisis dan dinilai bagi tujuan semakan semula strategi dan sasaran yang ditetapkan. Kitaran bagi Pengurusan Strategik adalah seperti rajah berikut:



Rajah 2: Kitaran Pengurusan Strategik

Faktor-Faktor Penting Dalam Penyediaaan Pelan Strategik PPj

Pelan Strategik PPj 2011-2015 adalah merupakan pelan yang digubal secara komprehensif bertujuan untuk dijadikan garis panduan dan hala tuju PPj sehingga tahun 2015. Komponen, strategi dan indikator yang digariskan dalam pelan ini adalah hasil daripada perbincangan kumpulan pengurusan atasan termasuk Presiden Perbadanan Putrajaya serta kumpulan pengurusan pertengahan atau ketua-ketua unit.

Pelbagai aspek telah diambilkira dan dirujuk dalam menyediakan pelan strategik ini, antaranya ialah:

- a) Rujukan kepada pelbagai pelan dan dokumen sedia ada serta yang dirancang seperti Pelan Strategik KWPKB 2010-2014, Pelan Strategik ICT PPj, Pelan Komprehensif Pengurusan Sumber Manusia PPj dan Petunjuk Bandar Sejahtera (MurniNet).

- b) Pelaksanaan pelbagai dasar baru kerajaan seperti 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, Program Transformasi Kerajaan, Rancangan Malaysia Ke-10, *National Key Result Area (NKRA)* dan *National Key Performance Indicators (NKPI)*.
- c) Hasrat kerajaan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Contoh, Bandar Teknologi Hijau, Bandar Mesra Belia, Bandar Yang Ceria dan Bertenaga, Bandar Selamat dan Bandar Mampan.
- d) Pencapaian Pelan Strategik PPj tahun 2008 hingga 2010.

Hubungkait Pelan Strategik dan Pelan Lain Yang Berkaitan



Rajah 3: Hubungkait Pelan Strategik dan Pelan Lain Yang Berkaitan

PRIORITY NEGARA = NKRA	PERINGKAT NEGARA (Diterajui oleh PM)	PERINGKAT KEMENTERIAN	PERINGKAT PERBADANAN PUTRAJAYA
KRA BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	NKRA Bidang Keberhasilan Utama Negara : Bidang yang dikenalpasti sebagai prioriti terpenting bagi negara kita (Contoh : mengurangkan kadar jenayah)	MKRA Bidang Keberhasilan Utama Kementerian : Bidang dikenalpasti sebagai tanggungjawab utama setiap kementerian (Contoh : penyampaian perkhidmatan yang cekap)	KRA PPj Bidang Keberhasilan Utama PPj : Bidang yang merupakan keutamaan perkhidmatan PPj-diselaraskan dengan Matlamat dan Visi PPj (Contoh : mempercepatkan proses permohonan)
KPI PETUNJUK PRESTASI UTAMA	NKPI KPI Nasional : Petunjuk yang mengukur prestasi dalam NKRA (Contoh : pengurangan bilangan kes ragut)	MKPI KPI Kementerian : Petunjuk yang mengukur prestasi dalam MKRA (Contoh : bilangan proses yang ditambahbaik)	KPI PPj KPI PPj : Petunjuk prestasi yang mengukur pencapaian Matlamat dan Visi PPj (Contoh : permohonan lesen perniagaan (pantas) dalam masa 1 hari)

Rajah 4: Pengukuran Key Result Area (KRA) dan Key Performance Indicator (KPI)

Balanced Scorecard

Asas yang digunakan bagi merangka model Pelan Strategik PPj 2011-2015 adalah berpandukan kepada kerangka kerja *balanced scorecard* yang diperkenalkan oleh Kaplan dan Norton, 1996. *Balanced Scorecard* adalah merupakan kaedah yang mengambilkira aspek-aspek tertentu (fizikal dan bukan fizikal) yang boleh diukur bagi mencapai visi yang diharapkan. Kerangka kerja *balanced scorecard* ini dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu:

PERSPEKTIF PELANGGAN

- **Meningkatkan Kepuasan Pelanggan dan Hubungan Baik Dengan Stakeholders/Rakan Kongsi**

Perspektif ini memberi tumpuan kepada perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan dan *stakeholders*. Objektif strategik dan indikator dalam perspektif ini bertujuan untuk mengukur pelaksanaan dan pencapaian ke arah kepuasan pelanggan dan *stakeholders* serta rakan kongsi.

PERSPEKTIF PROSES DALAMAN

- **Menyediakan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Yang Cekap dan Berkesan**

Perspektif ini bertujuan mengukur dan menilai perkhidmatan utama yang perlu dilaksanakan dengan cemerlang bagi memastikan pelanggan dan *stakeholders* berpuashati.

PERSPEKTIF KEWANGAN

- **Mengurus Kewangan Dengan Bijak**

Perspektif ini adalah bagi mengukur kaedah pengurusan kewangan yang dilaksanakan dan penerimaan oleh *stakeholders*.


PERSPEKTIF PERTUMBUHAN DAN PEMBELAJARAN

- **Meningkatkan Teknologi ICT dan Modal Insan**

Perspektif ini menjurus kepada peningkatan modal insan, teknologi dan persekitaran kerja, bagi mengekalkan kemampuan organisasi dalam menangani perubahan dan penambahbaikan.



Balanced Scorecard Framework*



Rajah 5: Balanced Scorecard Framework

Model Strategi Perbadanan Putrajaya 2011 - 2015

PUTRAJAYA : Terurus • Bersemangat dan Bertenaga • Makmur



Rajah 6: Model Strategi Perbadanan Putrajaya 2011-2015

Peta Strategi Perbadanan Putrajaya

Peta Strategi (*Strategy Map*) adalah merupakan gambaran menyeluruh objektif strategik yang akan dilaksanakan oleh organisasi. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini objektif strategik berkenaan dirangkumkan di dalam empat (4) perspektif utama iaitu Perspektif Pelanggan, Perspektif Proses Dalaman, Perspektif Kewangan serta Perspektif Pertumbuhan dan Pembelajaran.



Peta Strategi Perbadanan Putrajaya 2011 - 2015

PUTRAJAYA

TERURUS

PERSPEKTIF PELANGGAN

Meningkatkan kepuasan pelanggan dan hubungan baik dengan *stakeholders* serta rakan kongsi

Meningkatkan hubungan baik dengan *stakeholders*

Meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan

Meningkatkan kecekapan bas nadi putra

PROSES DALAMAN

Menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan

Meningkatkan tadbir urus yang baik

Meningkatkan pengurusan aset

Meningkatkan aspek perundangan

Meningkatkan penguatkuasaan berkesan

PERSPEKTIF KEWANGAN

Mengurus kewangan dengan bijak

Mempelbagaikan sumber hasil

Meningkatkan keberkesanannya kos

PERTUMBUHAN DAN PEMBELAJARAN

Meningkatkan teknologi ICT dan Modal Insan

Meningkatkan pengurusan ICT dan sumber manusia

Membentuk *knowledge-based organisation*



BERSEMANGAT DAN BERTENAGA

Meningkatkan perniagaan

Meningkatkan hubungan baik dengan rakan kongsi

MAKMUR

Menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam berkualiti

Mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat

Membangunkan komuniti yang berbudaya

Meningkatkan promosi pelancongan

Memastikan rumah mampu dimiliki adalah mencukupi

Meningkatkan amalan hijau

Menggalakkan penggunaan teknologi baru

Meningkatkan kutipan hasil

Membudayakan amalan nilai-nilai murni

Objektif Strategik dan Indikator

Bagi merealisasikan visi dan misi yang telah ditetapkan, sebanyak 22 Objektif Strategik telah dibangunkan disamping Indikator dan Inisiatif Strategik yang menyokong ke arah pencapaian Visi 2015 Perbadanan Putrajaya.

Objektif Strategik dan Indikator yang dibangunkan adalah seperti berikut:

Perspektif Pelanggan dan *Stakeholders*: Meningkatkan Kepuasan Pelanggan dan Hubungan Baik dengan *Stakeholders/Rakan Kongsi*

OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR	SASARAN 2015
C1: Meningkatkan Hubungan Baik dengan Stakeholders	C1.1: Peratus pencapaian KPI KWPKB berkaitan Putrajaya C1.2: Peratus mesyuarat utama yang dihadiri C1.3: Bilangan aduan rasmi oleh <i>stakeholders</i> C1.4: Peratus maklum balas yang dipenuhi dalam tempoh yang ditetapkan. C1.5: Peratus penyertaan program yang dianjurkan <i>stakeholders</i>	100% 100% 10 100% 90%
C2: Meningkatkan Hubungan Baik dengan Rakan Kongsi	C2.1: Sumbangan/Penglibatan rakan kongsi dalam pelbagai aktiviti PPj	>95%
C3: Meningkatkan Kecekapan dan Kualiti Perkhidmatan	C3.1: Skor Kepuasan Pelanggan C3.2: Peratus aduan diselesaikan C3.3: Peratus elemen Piagam Pelanggan mencapai tahap pematuhan minumum 85%	>95% >90% >95%
C4: Menyediakan Infrastruktur dan Kemudahan Awam Yang Berkualiti	C4.1: Peratus pematuhan jadual penyelenggaraan C4.2: Bilangan kemalangan di tempat awam yang berpunca dari kecacatan kemudahan	100% <5
C5: Mewujudkan Persekuturan Yang Sihat dan Selamat	C5.1: Mengkalkan Indeks Kualiti Air Tasik pada tahap Kelas IIB C5.2: Bilangan operasi asap hitam C5.3: Indeks Kualiti Bunyi Bising C5.4: Peratus penurunan kes denggi berbanding tahun sebelum C5.5: Peratus tandas awam mencapai tahap kebersihan Gred A C5.6: Peratus premis makanan mencapai Gred A C5.7: Nisbah kes jenayah berbanding penduduk C5.8: Peratus kawasan tumpuan awam yang dilengkapi dengan CCTV C5.9: Nisbah kes kemalangan maut berbanding penduduk	50%- IIB 50% -I 12 operasi (tahap pematuhan 95%) 8 stesen sebulan (tahap pematuhan 100%) 10% 50% 60% <50:10,000 >90% 5:100,000

OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR	SASARAN 2015
C6: Meningkatkan Kecekapan Bas Nadi Putra	C6.1: Tahap ketepatan masa berlepas mengikut jadual di hentian utama C6.2: Bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas Nadi Putra C6.3: Peratus kawasan yang diduduki yang diliputi oleh pengangkutan bas C6.4: Tahap pematuhan trip perjalanan bas yang dijadualkan	98% TBD 100% 100%
C7: Meningkatkan Perniagaan	C7.1: Peratus premis perniagaan milik PPj yang aktif C7.2: Peratus premis perniagaan milik swasta yang aktif	90% TBD
C8: Membangunkan Komuniti Yang Berbudaya	C8.1: Peratus kehadiran komuniti dalam aktiviti anjuran PPj berbanding yang disasarkan C8.2: Peratus Majlis Perwakilan Penduduk yang menganjurkan sekurang-kurangnya 5 aktiviti setahun C8.3: Nisbah pengadu terhadap jiran berbanding penduduk C8.4: Nisbah kes jenayah syariah berbanding penduduk	95% 90% 3:10,000 1:10,000

Perspektif Proses Dalaman: Menyediakan Sistem Penyampaian Perkhidmatan yang Cekap dan Berkesan

OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR	SASARAN 2015
P1: Meningkatkan Tadbir Urus Yang Baik	P1.1: Peratus pelan tindakan risiko yang telah dilaksanakan bagi risiko yang didaftarkan P1.2: Peratus proses yang melaksanakan MS ISO 9001 berbanding keseluruhan proses utama P1.3: Peratus proses yang melaksanakan MS ISO/IEC 27001 (ISMS) berbanding keseluruhan proses utama P1.4: Mengelakkan penarafan bintang bagi Indeks Akauntabiliti P1.5: Bilangan teguran audit berkaitan Perakaunan dan Kewangan P1.6: Bilangan teguran audit luar berkaitan Penyata Kewangan P1.7: Bilangan anugerah diterima P1.8: Pematuhan terhadap <i>Occupational Safety and Health Act</i> (OSHA)	80% 90% 10% 4 bintang 21 4 5 TBD
P2: Meningkatkan Pengurusan Aset	P2.1: Peratus pendaftaran aset dalam sistem aset berkomputer P2.2: Peratus aset berdaftar yang dilupuskan dan direkodkan menggunakan SAP P2.3: Bilangan teguran berkaitan pengurusan aset	100% 100% TBD
P3: Meningkatkan Aspek Perundangan	P3.1: Bilangan dasar, undang-undang, peraturan dan garis panduan baru yang disiapkan P3.2: Bilangan dasar, undang-undang, peraturan dan garis panduan sedia ada yang telah dikaji semula	TBD TBD

OBJETIF STRATEGIK	INDIKATOR	SASARAN 2015
P4: Menggalakkan Penggunaan Teknologi Baru	P4.1: Bilangan proses utama yang <i>dicomputerised</i> (aplikasi baru) P4.2: Peratus penggunaan <i>Industrialised Building System (IBS)</i> dalam pembinaan bangunan P4.3: Bilangan cerun berisiko tinggi yang dipasang sistem amaran awal (EWS) bagi mengurangkan impak bencana	TBD TBD TBD
P5: Meningkatkan Amalan Hijau	P5.1: Jumlah pengkomposan sisa taman P5.2: Peratus bangunan milik PPj mengadakan ciri-ciri inisiatif hijau P5.3: Peratus pengurangan kadar penggunaan elektrik bagi bangunan milik PPj P5.4: Bilangan penggunaan lampu ' <i>energy saving</i> '/LED bagi lampu taman untuk pembangunan baru P5.5: Peratus kawasan hijau P5.6: Bilangan program <i>green practice</i> di PPj P5.7: Peratus kitar semula yang dilaksanakan P5.8: Jumlah baja yang digunakan dari pengkomposan sisa taman	31 tan TBD 5%kW 300 unit 40% TBD TBD TBD
P6: Meningkatkan Promosi dan Pemasaran Pelancongan	P6.1: Purata pertumbuhan pelancong dan pelawat setahun P6.2: Bilangan promosi pelancongan P6.3: Bilangan acara peringkat antarabangsa (<i>signature event</i>) P6.4: Bilangan acara peringkat kebangsaan (<i>signature event</i>)	>2% 5 4 4
P7: Meningkatkan Aktiviti Penguatkuasaan	P7.1: Jumlah pengurangan kes P7.2: Peratus pendakwaan kes di mahkamah berbanding jumlah keseluruhan kertas siasatan yang didaftarkan P7.3: Peratus pematuhan kepada notis statutori yang dikeluarkan bagi kesalahan melibatkan pembangunan projek P7.4: Bilangan program kesedaran undang-undang dan peraturan	TBD 50% 70% 4
P8: Memastikan Pembinaan Rumah Mampu Dimiliki Adalah Mencukupi	P8.1: Bilangan rumah mampu milik yang dibina berdasarkan baki yang dirancang P8.2: Bilangan rumah kos sederhana rendah (PR1MA) yang dibina berdasarkan baki yang dirancang	255 unit 560 unit

Perspektif Kewangan: Mengurus Kewangan dengan Bijak

OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR	SASARAN 2015
F1: Mempelbagaikan Sumber Hasil	F1.1: Kadar pertumbuhan hasil dalaman	15%
F2: Meningkatkan Keberkesanan Kos	F2.1: Bajet Varian F2.2: Kos Varian F2.3: Tahap pematuhan kepada peraturan kewangan F2.4: Peratus peningkatan penggunaan jadual kadar harga F2.5: Nisbah/Indeks kos penyelenggaraan berbanding bilangan penduduk	15% 10% 100% TBD TBD
F3: Meningkatkan Kutipan Hasil	F3.1: Peratus cukai taksiran dibayar dalam tempoh ditetapkan F3.2: Peratus cukai taksiran yang tertunggak F3.3: Peratus sewaan premis milik PPj dibayar dalam tempoh ditetapkan F3.4: Peratus bayaran sewaan premis milik PPj yang tertunggak	95% <5% 95% 5%

Perspektif Pertumbuhan dan Pembelajaran: Meningkatkan Teknologi ICT dan Modal Insan

OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR	SASARAN 2015
L1: Meningkatkan Pengurusan ICT dan Sumber Manusia	L1.1: Pencapaian Pelan Strategik ICT (ISP) L1.2: Pencapaian Pelan Komprehensif Sumber Manusia	95% 95%
L2: Membudayakan Amalan Nilai-Nilai Murni	L2.1: Bilangan program Pembudayaan Nilai-nilai Murni L2.2: Peratus pegawai yang menghadiri program nilai-nilai murni L2.3: Skor Audit Nilai	12 34% 83%
L3: Membentuk Knowledge-Based Organisation	L3.1: Bilangan pegawai yang memperolehi pengiktirafan Badan Profesional/badan-badan akreditasi lain yang berkaitan L3.2: Bilangan pegawai gred 41 ke atas yang memperolehi Ijazah Lanjutan (melalui Program Hadiah Latihan). L3.3: Bilangan pegawai yang membentangkan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa L3.4: Bilangan kertas kerja yang dibentangkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa L3.5: Bilangan projek inovasi yang dihasilkan oleh Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) L3.6: Bilangan lawatan rujukan dari luar ke PPj L3.7: Bilangan lawatan teknikal PPj ke agensi luar	32 4 8 TBD 12 20 TBD

1922

The Flamingo history

As the first resort to come to the shores of Lake Mead, the Flamingo has been a part of the Las Vegas landscape since 1922. The Flamingo's original name was the Flamingo Inn, and it was built by the Flamingo Hotel Corporation. The Flamingo's first general manager was Harry K. Felt, who also managed the Flamingo Inn. The Flamingo's first general manager was Harry K. Felt, who also managed the Flamingo Inn.

1922



Faktor Penentu Kejayaan

4



Antara faktor-faktor utama yang menentukan keberhasilan pencapaian Visi 2015 PPj sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Strategik PPj 2011-2015 ini ialah:

Kecukupan dan Kecekapan Sumber

Ke arah memastikan kelancaran pelaksanaan strategi yang digariskan dalam pelan strategik, keperluan sumber manusia dan peruntukan kewangan yang mencukupi perlulah disediakan. Sumber manusia yang mencukupi, berpengetahuan dan berinovasi menjadi faktor utama kejayaan sesuatu organisasi. Disamping itu, pemantapan dan peningkatan kompetensi warga kerjanya akan sentiasa dipantau secara berterusan supaya sumber tenaganya dapat di gembeling secara berkesan. Pengurusan kewangan dan usaha-usaha meningkatkan sumber-sumber yang dapat menjana hasil perlu digiatkan.



Penggunaan ICT Secara Menyeluruh


Penggunaan ICT secara menyeluruh dalam semua proses kerja utama bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang efisien dan efektif. Pelaksanaan serta pematuhan kepada Pelan Strategik ICT PPj dengan berkesan akan menyokong pencapaian objektif strategik yang telah ditetapkan.

Kajian Semula Pelan Strategik

Kajian Semula Pelan Strategik PPj akan dijalankan pada tahun 2013 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian Semula tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik PPj.

Rangkaian Kerjasama Strategik

Memantapkan kerjasama dan perkongsian pintar serta strategik dengan mengambil kira pandangan dan idea secara kolektif melibatkan *stakeholders* dan pelanggan serta rakan kongsi bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan PPj.







Penutup dan Lampiran

16

Penutup

Pelan Strategik PPj 2011-2015 ini merupakan satu tempoh masa yang amat mencabar bagi PPj dimana berdasarkan kepada visi 2015 PPj, Putrajaya akan menjadi Bandar yang mampan, terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur pada penghujung tempoh pelan ini berkuatkuasa.

Justeru, objektif strategik, indikator serta pelan tindakan yang dibangunkan ini perlulah mendapat kerjasama dan sokongan dari semua pihak baik warga kerja, *stakeholders*, rakan kongsi dan pelanggan dalam menjayakannya.

Tumpuan akan diberikan kepada usaha-usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan berterusan dan penilaian agar semua program yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat yang disasarkan.






AKRONIM

KWPKB	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
JPM	Jabatan Perdana Menteri
PPj	Perbadanan Putrajaya
EPU	Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
BPH	Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri
BPA	Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
ISP	Pelan Strategik ICT
ISMS	Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat
CCTV	Kamera Litar Tertutup
SAP	<i>Systems Applications and Products in Data Processing</i>
KIK	Kumpulan Inovatif dan Kreatif
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan




FAKTA ASAS PUTRAJAYA

1.	Keluasan Putrajaya	4,931 hektar
2.	Kegunaan Tanah	Kerajaan 6.1 peratus Kediaman 15.0 peratus Kemudahan Awam 9.1 peratus Komersil, Sivik dan Kebudayaan 3.1 peratus Kawasan Hijau 37.5 peratus Infrastruktur dan Utiliti 23.0 peratus Pembangunan masa depan 6.2 peratus
3.	Komponen pembangunan	Kawasan Utama 503.05 hektar Tasik, wetlands dan kawasan hijau 1,798.13 hektar Kawasan kejiranan 715.53 hektar Persiaran Perdana 4.2 km panjang dan 100 m lebar
4.	Pelaksanaan	Pihak Berkuasa Tempatan : Perbadanan Putrajaya Perbadanan Putrajaya (PPj) ditubuhkan dan berkuatkuasa mulai 1 Mac 1996 di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) untuk mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pemaju Utama : Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PjH) ditubuhkan pada 19 Oktober 1995 dan merupakan syarikat swasta yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan Putrajaya.



PERISTIWA PENTING PUTRAJAYA

- | | |
|--|------------------|
| 1. Jemaah Menteri meluluskan pemindahan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dari Kuala Lumpur ke Perang Besar di Daerah Sepang, Selangor | 2 Jun 1993 |
| 2. Pelan Induk Putrajaya diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan | 22 Februari 1995 |
| 3. Suatu Perjanjian berhubung dengan penubuhan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Perang Besar yang akan dinamakan kemudian sebagai "Putrajaya" | 20 Julai 1995 |
| 4. Penyiaran Pelan Pembangunan Perang Besar yang akan dinamakan kemudian sebagai "Putrajaya" | 3 Ogos 1995 |
| 5. Pelancaran Putrajaya <ul style="list-style-type: none">• Mercu Tanda• Kerja Tanah | 29 Ogos 1995 |
| 6. Penubuhan Perbadanan Putrajaya (melalui Akta Perbadanan Putrajaya 1995) | 1 Mac 1996 |
| 7. Pelan Induk Putrajaya yang telah disemak semula diluluskan | 31 Mac 1997 |
| 8. Perjanjian Penyerahan Putrajaya oleh Kerajaan Selangor kepada Kerajaan Persekutuan | 7 Disember 2000 |
| 9. Pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan | 1 Februari 2001 |



PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PERBADANAN PUTRAJAYA 2008-2010

BIL	OBJEKTIF STRATEGIK / KPI	SASARAN 2008	PENCAPAIAN 2008	PRESTASI 2008
1	Meningkatkan Kepuasan Pelanggan			
	• Skor kepuasan pelanggan di Pusat Khidmat Pelanggan	80%	85%	106%
	• Peratus aduan yang diselesaikan	78%	92%	115%
2	Komuniti Yang Partisipatif Dan Harmoni			
	• Peratus penyertaan penduduk dalam pelbagai program	70%	100%	120%
	• Bilangan program yang dianjurkan oleh komuniti			
	• Nisbah aduan terhadap jiran berbanding penduduk	1:5000	1:3500	70%
3	Perkhidmatan Perbandaran Yang Efisyen			
	• Peratus penyediaan kemudahan awam kepada penduduk			
	• Perkhidmatan bas yang menepati kekerapan dan masa yang dijadualkan	95%	100%	105%
	• Perkhidmatan kebersihan mengikut jadual			
	• Perkhidmatan kawalan kesihatan yang mengikut jadual	85%	93%	109%
4	Peluang Perniagaan Yang Berdayasaing			
	• Peratus premis perniagaan yang aktif	80%	73%	91%
	• Peratus pertambahan lesen perniagaan			
5	Mengurus Kewangan Secara Efektif			
	• Bajet varian	10%	10%	100%
	• Pemerhatian audit dalam			
	• Pemerhatian audit luar			
	• Tahap pematuhan kepada peraturan kewangan			
6	Meningkatkan Hasil Dan Sumber Pendapatan			
	• Peratus peningkatan jumlah pendapatan PPj (tidak termasuk geran Kerajaan dan Sumbangan Membantu Kadar)	10%	17%	120%
	• Bilangan pertambahan sumber pendapatan baru			

SASARAN 2009	PENCAPAIAN 2009	PRESTASI 2009	SASARAN 2010	PENCAPAIAN 2010	PRESTASI 2010
85%	100%	118%	90%	89%	99%
83%	99%	119%	90%	95%	108%
75%	99%	120%	80%	92%	115%
140 program	182 program	120%	150 program	135 program	90%
1:5000	1:4500	90%	1:5000	0:5000	120%
80%	85%	106%	90%	89%	99%
95%	92%	97%	95%	100%	105%
95%	97%	102%	95%	99%	104%
95%	100%	105%	95%	90%	95%
90%	97%	108%	95%	99%	104%
85%	74%	87%	90%	80%	89%
15%	8%	53%	20%	24%	120%
10%	9%	111%	10%	8%	104%
30	25	120%	20	25	80%
3	0	120%	3	3	100%
100%	99%	99%	100%	97%	85%
10%	-2.75%	28%	10%	13%	120%
5	4	80%	3	2	67%

BIL	OBJEKTIF STRATEGIK / KPI	SASARAN 2008	PENCAPAIAN 2008	PRESTASI 2008
7	Memperkuuh Pengurusan Aset Dan Fasiliti			
	• Peratus pematuhan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) atau Piagam Pelanggan	80%	98%	120%
8	Meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan			
	• Peratus pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008			
	• Bilangan inovasi dan penambahbaikan			
9	Meningkatkan Produk Pelancongan Dan Pelancong			
	• Peratus peningkatan pengunjung ke lokasi strategik	10%	7%	70%
	• Peratus peningkatan hasil dari produk pelancongan di lokasi strategik	10%	38%	120%
	• Bilangan aktiviti dan acara bertaraf kebangsaan dan antarabangsa	23	24	104%
10	Meningkatkan Keberkesanan Penguatkuasaan Undang-Undang			
	• Peratusan pendakwaan kes di mahkamah berbanding jumlah keseluruhan kes yang dirujuk	70%	100%	120%
11	Meningkatkan Pembangunan Modal Insan			
	• Peratus wargakerja PPj yang menghadiri minima 7 hari setahun	80%	58%	73%
	• Peratus warganegara PPj yang mencapai markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) melebihi 85%			
12	Infostruktur Yang Baik			
	• Peratus kemudahan ICT berbanding keperluan, berdasarkan fungsi PPj	80%	86%	108%
	• Peratus keberfungsian sistem dan infrastruktur ICT			
13	Suasana Kerja Yang Kondusif			
	• Skor kepuasan bekerja	4.00	4.07	102%

PETUNJUK:

SASARAN 2009	PENCAPAIAN 2009	PRESTASI 2009	SASARAN 2010	PENCAPAIAN 2010	PRESTASI 2010
85%	87%	102%	90%	95%	105%
40%	33%	83%	80%	38%	48%
27	22	81%	32	31	97%
10%	7%	70%	10%	25%	120%
10%	9%	90%	10%	9%	90%
26	79	120%	29	61	120%
80%	100%	120%	90%	74%	82%
82%	89%	109%	85%	84%	99%
85%	87%	102%	88%	84%	95%
85%	94%	111%	90%	82%	91%
90%	90%	100%	95%	95%	100%
4	4.2	105%	4.00	4.2	105%

“ Justeru, bagi merealisasikan visi dan menjadikan Putrajaya bertaraf kelas pertama, Perbadanan Putrajaya perlu terlebih dahulu menjadi organisasi kelas pertama. Tumpuan perlu dititikberatkan terhadap perkhidmatan kelas pertama kepada pelanggan serta mengamalkan nilai-nilai murni dan etika yang baik semasa menjalankan tugas. Aspek-aspek berkenaan adalah penting bagi menyumbang kepada kejayaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) sebagaimana yang diharapkan ”



PERBADANAN PUTRAJAYA

Bahagian Perancangan Strategik,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Kompleks Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana, Presint 3,
62675 PUTRAJAYA, Malaysia.

Tel: 603 8887 7006 • Faks: 603 8887 5014 • www.pj.gov.my • www.facebook.com/putrajaya